	Tiada	5.5 Dalam melaksanakan tanggungjawab dan bidang tugas Unit Audit Dalam sebagaimana yang dinyatakan di bawah perenggan 5 ini, Pegawai Audit Dalam yang terdiri daripada pegawai kader atau pinjaman Jabatan Audit Negara, hendaklah sentiasa tertakluk kepada arahan yang dikeluarkan oleh Ketua Audit Negara dari semasa ke semasa. Pelaksanaan audit hendaklah dijalankan secara bebas *(independent)* dan tiada sebarang campur tangan, pengaruh dan arahan mana-mana pihak.
5.1	Ketua Eksekutif bertanggungjawab mengawasi Unit Audit Dalam dengan:	6.1 **Pegawai Pengawal** hendaklah memberi perhatian dan bertanggungjawab memantau Unit Audit Dalam dengan:
	Tiada	6.1.1 Memastikan perjawatan, keperluan sumber manusia dan struktur Unit Audit Dalam adalah sejajar dengan saiz dan fungsi Organisasi. Pegawai Pengawal boleh meminta pandangan dan khidmat rundingan dari Jabatan Audit Negara bagi menentukan kesesuaian struktur Unit Audit Dalam di Organisasi;
	ii. memastikan Unit Audit Dalam tidak terlibat dalam sebarang operasi organisasi dan bebas daripada pengaruh pegawai yang bertanggungjawab secara langsung terhadap operasi organisasi;	6.1.3. Memastikan Unit Audit Dalam tidak terlibat dalam hal operasi Organisasi atau jawatankuasa yang membuat keputusan seperti **perolehan, agihan peruntukan, jumlah/kadar bayaran dan jumlah pemberian insentif/bantuan** dan bebas daripada pengaruh pegawai yang bertanggungjawab secara langsung terhadap operasi Organisasi;
	iii. memastikan Unit Audit Dalam diberi kebebasan untuk memeriksa semua dokumen berkaitan dengan aktiviti organisasi bagi tujuan	6.1.4. Memastikan Unit Audit Dalam diberi kebebasan untuk menyiasat dan memeriksa semua dokumen dan mendapat capaian **kepada semua**

PARA	KANDUNGAN ASAL PP PS 3.1	PINDAAN TERKINI DAN PARA BAHARU
	pengauditan;	**sistem** berkaitan dengan aktiviti Organisasi bagi tujuan pengauditan;
PS 3.2	Penubuhan Jawatankuasa Audit di Peringkat Kementerian atau Jabatan Persekutuan dan Kerajaan Negeri	Perenggan 7 Penubuhan Jawatankuasa Audit (Ps 3.2 telah digabungkan ke dalam PS 3.1)
	Tiada dinyatakan minimum bilangan ahli tetap JKA.	7.2 JKA hendaklah dipengerusikan oleh Pegawai Pengawal di peringkat Organisasi manakala Ahli – Ahli Tetap Jawatankuasa sekurang-kurangnya dianggotai oleh tujuh (7) orang dan hendaklah terdiri daripada Pengurusan Atasan Organisasi.
	Tiada	7.3 Keanggotaan JKA di peringkat Organisasi diperincikan.
	Tiada	7.4 Objektif JKA meliputi perkara berikut: 7.4.3 Memberi penekanan ke atas tatakelola yang baik (*good governance*) dan nilai faedah yang terbaik (*best value for money*) bagi meningkatkan kecekapan, keberkesanan dan akauntabiliti di semua peringkat Organisasi.
Tanggungajwab Jawatankuasa Audit	Tanggungjawab Jawatankuasa Audit	7.5 JKA hendaklah bertanggungjawab terhadap perkara berikut:
	Tiada	7.5.8 Mengesyorkan siasatan lanjut dibuat oleh Unit Integriti ke atas semua penemuan audit yang mempunyai elemen penyelewengan, penyalahgunaan kuasa dan penipuan (sekiranya ada);
	Tiada	7.5.9 Agenda Mesyuarat JKA antaranya merangkumi perkara berikut: a. perancangan dan statistik prestasi pencapaian Rancangan Audit Tahunan; b. Statistik ringkasan penemuan audit dan status tindakan terhadap setiap pengauditan yang dilaksanakan; c. Penemuan audit yang signifikan dan berisiko tinggi serta penemuan yang belum diambl tindakan; d. Perubahan dalam Rancangan Audit Tahunan (sekiranya ada); dan e. Menyusuli isu-isu dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN).

PARA	KANDUNGAN ASAL PP PS 3.1	PINDAAN TERKINI DAN PARA BAHARU
Peranan Perbendaharaan Malaysia	6.2 Dalam usaha untuk memantau pelaksanaan audit dalam, Ketua-Ketua Audit Dalam perlu mengemukakan Rancangan Tahunan dan Laporan Tahunan Audit Dalam yang telah diluluskan oleh Ketua Eksekutif kepada Perbendaharaan Malaysia.	5.3 Unit Audit Dalam perlu mengemukakan Rancangan Audit Tahunan dan Laporan Tahunan Audit Dalam yang telah diluluskan oleh Pegawai Pengawal kepada Perbendaharaan Malaysia.
	Tiada	8.2. Dalam usaha untuk memantau pelaksanaan audit dalam, Perbendaharaan Malaysia telah mengeluarkan peraturan dalaman berkaitan pengauditan dari semasa ke semasa. Unit Audit Dalam perlu sentiasa menggunapakai dan mematuhi panduan peraturan dalaman yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan Malaysia seperti Manual Audit Dalam, arahan–arahan Perbendaharaan dan garis panduan pengauditan.
	Tiada	8.3 Perbendaharaan Malaysia juga memantau pelaksanaan audit dalam melalui sistem elektronik pemantauan audit dalam berasaskan web dari semasa ke semasa selaras dengan inisiatif pendigitalan sektor awam.
Hubung Kait Antara Unit Audit Dalam Dengan Audit Luar	Tiada	**HUBUNG KAIT ANTARA UNIT AUDIT DALAM DENGAN JABATAN AUDIT NEGARA** 9.3 Selain itu, Unit Audit Dalam juga berperanan sebagai pegawai perhubungan (*liaision officer*) di Organisasi bagi penemuan audit oleh Jabatan Audit Negara.
Keahlian Institut Juruaudit Dalaman Malaysia	Tiada	10.2 Unit Audit Dalam digalakkan untuk mengadakan kolaborasi bersama Institut Juruaudit Dalam Malaysia untuk program latihan berkaitan audit dalam sektor awam.

PARA	KANDUNGAN ASAL PP PS 3.1	PINDAAN TERKINI DAN PARA BAHARU
-	Tiada	**11. HAL-HAL LAIN** 11.1 Sekiranya terdapat pertanyaan lanjut mengenai Pekeliling Perbendaharaan ini, Organisasi boleh merujuk kepada pihak berikut: Seksyen Koordinasi Audit Dalam Dan Perakaunan Bahagian Kawalan Kewangan Strategik Dan Korporat (BKSK), Kementerian Kewangan, Aras 6, Blok Selatan, No.5, Persiaran Perdana, Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, **62594 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA.** Alamat emel: bksk.uad@treasury.gov.my
	Tiada	**12. TARIKH BERKUAT KUASA** Pekeliling Perbendaharaan Malaysia ini berkuat kuasa mulai 7 Oktober 2024.
-	Tiada	**13. PEMBATALAN** 13.1 Dengan berkuatkuasanya peraturan ini, Pekeliling Perbendaharaan PS 3.1 Pelaksanaan Audit Dalam Di Kementerian Atau Jabatan Persekutuan Dan Kerajaan Negeri yang berkuat kuasa pada 12 Oktober 2004 serta PS 3.2 Penubuhan Jawatankuasa Audit Di Peringkat Kementerian Persekutuan Dan Kerajaan Negeri yang berkuat kuasa pada 5 Mei 2009 adalah dibatalkan.
-	Tiada	**14. PEMAKAIAN** 14.1 Pekeliling ini adalah untuk menjelaskan berkaitan peranan dan tanggungjawab Unit Audit Dalam, Jawatankuasa Audit, Pegawai Pengawal, dan Perbendaharaan Malaysia serta memberi arahan terhadap pelaksanaan audit dalam di Organisasi. Unit Audit Dalam hendaklah memastikan peraturan yang ditetapkan dalam pekeliling ini dipatuhi.

PINDAAN
PEKELILING PERBENDAHARAAN PS 3.2 (PP PS 3.2):
PENUBUHAN JAWATANKUASA AUDIT DI PERINGKAT KEMENTERIAN PERSEKUTUAN DAN KERAJAAN NEGERI

PARA	KANDUNGAN ASAL PP PS 3.2	PINDAAN TERKINI PP 3.2
PP PS	PP PS 3.2: Penubuhan Jawatankuasa Audit Di Peringkat Kementerian Persekutuan dan Kerajaan Negeri.	PP PS 3.2 dimasukkan dalam PP PS 3.1 menjadi satu (1) PP.
Tujuan	1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk menjelaskan penubuhan dan tanggungjawab Jawatankuasa Audit di Kementerian Persekutuan dan Kerajaan Negeri bagi memantapkan dan mempertingkatkan lagi tadbir urus khususnya dalam pengurusan kewangan.	Digabungkan dalam PP PS 3.1
Latar belakang	2.1 Tumpuan utama Kerajaan pada masa kini adalah untuk meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan awam. Bagi memastikan sistem penyampaian perkhidmatan awam yang cemerlang dapat dicapai, tadbir urus yang terbaik di kalangan perkhidmatan awam adalah amat penting. 2.2 Tadbir urus yang terbaik perlu memberi penumpuan terhadap dua aspek seperti berikut: (i) Prestasi, di mana pengurusan pencapaian adalah kritikal untuk menyampaikan perkhidmatan secara cekap dan berkesan seperti yang diharapkan oleh *stakeholders* di samping memastikan *value for money* dan pengurangan pembaziran sumber/dana; dan (ii) Pematuhan, di mana undang-undang, peraturan dan piawaian yang diguna	Perenggan ini dimansuhkan.

PARA	KANDUNGAN ASAL PP PS 3.2	PINDAAN TERKINI PP 3.2
	pakai adalah dipatuhi serta harapan masyarakat terhadap amalan kejujuran, akauntabiliti dan integriti serta kewajipan perkongsian maklumat secara telus dipenuhi. 2.3 Dalam proses memperkukuhkan tadbir urus, Jabatan Audit Negara dan Unit Audit Dalam Kementerian Persekutuan/Kerajaan Negeri memainkan peranan yang mustahak melalui pengauditan yang dijalankan. Hasil pengauditan dan penemuan yang dibangkitkan serta syor penambahbaikan hendaklah diberi perhatian serius dan diambil tindakan oleh semua pihak pengurusan bagi meningkatkan prestasi sistem penyampaian perkhidmatan awam.	
Penubuhan Jawatankuasa Audit	3.1 Jawatankuasa Audit perlu ditubuhkan di peringkat Kementerian Persekutuan dan peringkat Kerajaan Negeri. 3.2 Jawatankuasa Audit dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian (KSU)/Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) dengan ahli-ahli sekurang- kurangnya terdiri daripada Timbalan KSU/Timbalan SUK, Setiausaha Bahagian (SUB)/Ketua Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, SUB/ Ketua Bahagian Kewangan, SUB/Ketua Bahagian Pembangunan dan SUB/Ketua Bahagian, bahagian lain yang sesuai. 3.3 Sebagai fungsi ganti, salah seorang daripada Timbalan KSU atau Timbalan SUK boleh mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Audit semasa ketiadaan Pengerusi.	Digabungkan dalam PP PS 3.1

PARA	KANDUNGAN ASAL PP PS 3.2	PINDAAN TERKINI PP 3.2
	3.4 Ketua Audit Dalam hendaklah bertindak sebagai Setiausaha Jawatankuasa Audit.	
Objektif Penubuhan Jawatankuasa Audit	4.1 Membincangkan isu-isu yang dibangkitkan sama ada oleh Unit Audit Dalam atau Jabatan Audit Negara. 4.2 Memastikan tindakan *preventive* dan *corrective* diambil oleh pihak pengurusan (auditi) supaya kelemahan-kelemahan berkaitan dapat diperbetulkan dan tidak berulang.	Digabungkan dalam PP PS 3.1
Tanggungjawab Jawatankuasa Audit	5.1 Menyemak dan mengkaji kesempurnaan serta keutuhan sistem kawalan dalaman dan sistem maklumat pengurusan organisasi. 5.2 Melaporkan sama ada wujudnya sistem perakaunan dan kewangan yang efektif serta kawalan-kawalan tertentu sebagai satu amaran awal mengenai kelemahan di Kementerian Persekutuan/Kerajaan Negeri. 5.3 Mengkaji Rancangan Tahunan yang disediakan Unit Audit Dalam dan membuat cadangan skop pengauditan dan tumpuan audit sekiranya ada, sebelum diluluskan oleh KSU/SUK dan dikemukakan kepada Perbendaharaan Malaysia. 5.4 Memastikan tidak terdapat sekatan atau batasan yang tidak wajar yang boleh menjejaskan pelaksanaan Audit Dalam dan Unit Audit Dalam diberikan akses yang sesuai pada maklumat dalam pelaksanaan tugasnya. 5.5 Memastikan Unit Audit Dalam mempunyai sumber yang mencukupi dan kakitangan yang kompeten bagi membolehkan ia berfungsi dengan berkesan.	Digabungkan dalam PP PS 3.1

PARA	KANDUNGAN ASAL PP PS 3.2	PINDAAN TERKINI PP 3.2
	5.6 Mengkaji laporan daripada Unit Audit Dalam dan Jabatan Audit Negara untuk memastikan semua isu yang dilaporkan diselesaikan dengan memuaskan dan memperakukan tindakan susulan. 5.7 Menimbangkan hasil/syor apa-apa kajian semula dalaman tentang keberkesanan fungsi audit dalam untuk meningkatkan prestasi dan jaminan kualiti audit dalam.	
Mesyuarat Dan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Audit	6.1 Jawatankuasa Audit hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya empat (4) kali dalam setahun. 6.2 Salinan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Audit hendaklah dihantar kepada Perbendaharaan Malaysia setiap suku tahun iaitu selewat-lewatnya pada 15 April, Julai, Oktober dan Januari tahun berikutnya.	Digabungkan dalam PP PS 3.1

PS 3.1



KERAJAAN MALAYSIA

PELAKSANAAN AUDIT DALAM DI KEMENTERIAN ATAU JABATAN PERSEKUTUAN DAN KERAJAAN NEGERI

(Pindaan 2024)

PERBENDAHARAAN MALAYSIA

KANDUNGAN

1. TUJUAN 1
2. TAKRIFAN 1
3. OBJEKTIF PEKELILING 2
4. PENUBUHAN UNIT AUDIT DALAM 2
5. TANGGUNGJAWAB DAN BIDANG TUGAS UNIT AUDIT DALAM 3
6. TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PENGAWAL 5
7. JAWATANKUASA AUDIT 6
8. PERANAN PERBENDAHARAAN MALAYSIA 8
9. HUBUNG KAIT ANTARA UNIT AUDIT DALAM DENGAN JABATAN AUDIT NEGARA 9
10. KEAHLIAN INSTITUT JURUAUDIT DALAMAN MALAYSIA 10
11. HAL-HAL LAIN 10
12. TARIKH KUAT KUASA 10
13. PEMBATALAN 10
14. PEMAKAIAN 10

PS 3.1 PELAKSANAAN AUDIT DALAM DI KEMENTERIAN ATAU JABATAN PERSEKUTUAN DAN KERAJAAN NEGERI

1. TUJUAN

1.1. Pekeliling ini bertujuan memberi penjelasan mengenai peranan dan tanggungjawab Pegawai Pengawal, Unit Audit Dalam, Jawatankuasa Audit dan Perbendaharaan Malaysia serta memberi arahan terhadap pelaksanaan audit dalam.

1.2. Bagi memenuhi keperluan semasa dan selaras dengan usaha untuk memperkukuhkan keberkesanan pengauditan dan pelaksanaan audit dalam, pekeliling ini dikeluarkan dengan mengambil kira peraturan-peraturan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Perkhidmatan Awam dan Jabatan Audit Negara.

2. TAKRIFAN

2.1. Pegawai Pengawal

Pegawai Pengawal adalah merujuk kepada Ketua Setiausaha Kementerian (KSU)/Ketua Jabatan Persekutuan/Setiausaha Kerajaan Negeri.

2.2. Organisasi

Organisasi adalah merujuk kepada Kementerian atau Jabatan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

2.3. Unit Audit Dalam

Unit Audit Dalam adalah merujuk kepada Jabatan/Bahagian/Cawangan/Unit Audit Dalam di Kementerian atau Jabatan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

2.4. Jabatan Persekutuan

Jabatan Persekutuan adalah merujuk kepada Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Perkhidmatan Awam atau Jabatan Peguam Negara.

2.5. Kerajaan Negeri

Kerajaan Negeri adalah termasuk Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK), Jabatan Premier Sarawak, Jabatan Ketua Menteri Melaka dan Jabatan Ketua Menteri Sabah.

2.6. Ketua Audit Dalam

Ketua Audit Dalam adalah merujuk kepada Pengarah Audit/Setiausaha Bahagian/Ketua Unit Audit Dalam di Kementerian atau Jabatan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

2.7. Sistem Elektronik Pemantauan Audit Dalam

Sistem elektronik pemantauan audit dalam adalah merujuk kepada sistem yang memantau pelaksanaan audit dalam untuk kegunaan Perbendaharaan Malaysia dan Pegawai Pengawal secara dalam talian berasaskan web.

3. OBJEKTIF PEKELILING

3.1. Pekeliling ini bertujuan untuk memperincikan pelaksanaan dan menambah baik keberkesanan pengauditan oleh Unit Audit Dalam di Organisasi dengan memberi penekanan terhadap perkara-perkara seperti berikut:

3.1.1. Tanggungjawab dan akauntabiliti Pegawai Pengawal dalam menyelia Unit Audit Dalam di bawah tanggungjawabnya; dan

3.1.2. Peranan Unit Audit Dalam dan tanggungjawab Jawatankuasa Audit bagi membantu meningkatkan tatakelola Organisasi.

4. PENUBUHAN UNIT AUDIT DALAM

4.1. Unit Audit Dalam berperanan sebagai satu fungsi bebas yang memberi kepastian dan khidmat perundingan (*assurance and consulting*) secara objektif untuk menambah nilai serta mempertingkatkan tahap operasi Organisasi.

4.2. Objektif Unit Audit Dalam adalah untuk membantu sesebuah Organisasi mencapai matlamatnya melalui pendekatan yang sistematik dan berdisiplin untuk menilai dan menentukan keberkesanan proses kawalan dalaman

berdasarkan risiko terutamanya melibatkan operasi dan tatakelola Organisasi, kewangan serta sistem.

4.3. Pegawai Pengawal bertanggungjawab untuk menubuhkan Unit Audit Dalam di bawah Organisasi/pentadbirannya dan memastikan perjawatan, keperluan sumber manusia dan struktur Unit Audit Dalam adalah sejajar dengan saiz dan fungsi Organisasi.

4.4. Unit Audit Dalam diketuai oleh Ketua Audit Dalam dan bertanggungjawab terus kepada Pegawai Pengawal untuk menjamin keberkesanan audit dalam. Unit Audit Dalam di peringkat Organisasi hendaklah melaksanakan fungsi audit dalam terhadap semua Jabatan/Bahagian/Unit di bawah kawal selia Organisasi.

5. TANGGUNGJAWAB DAN BIDANG TUGAS UNIT AUDIT DALAM

5.1. Tanggungjawab Unit Audit Dalam adalah untuk:

5.1.1. Melaksanakan audit pengurusan kewangan bagi menentukan ia telah diurus mengikut undang-undang, peraturan dan arahan yang berkaitan merangkumi pemeriksaan terhadap:

a. kawalan dalaman meliputi kewangan dan operasi;
b. rekod kewangan; dan
c. sistem.

5.1.2. Melaksanakan penilaian terhadap pengurusan program/projek/aktiviti termasuk sistem ICT sesebuah Organisasi untuk menentukan matlamatnya telah dicapai dan sumber digunakan secara berhemat, cekap dan berkesan.

5.2. Bidang tugas Unit Audit Dalam adalah untuk:

5.2.1. Menilai kebolehpercayaan dan keberkesanan sistem kewangan dan kawalan dalaman termasuk pelan pengurusan risiko dan tatakelola Organisasi;

5.2.2. Menilai tahap pematuhan terhadap dasar, arahan dan peraturan melibatkan kewangan dan operasi Organisasi termasuk pengurusan program/projek/aktiviti serta sistem ICT bagi memastikan ia telah diuruskan dengan teratur dan cekap selaras dengan objektif yang ditetapkan;

5.2.3. Menyediakan Rancangan Audit Tahunan dan Laporan Tahunan Audit Dalam untuk kelulusan Pegawai Pengawal;

5.2.4. Membentangkan Rancangan Audit Tahunan dan hasil pengauditan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Audit;

5.2.5. Melaporkan kepada Pegawai Pengawal hasil pengauditan dan memantau tindakan susulan (pembetulan atau penambahbaikan) diambil oleh Auditi terhadap perkara yang dibangkitkan;

5.2.6. Melaporkan penemuan audit yang berkemungkinan mempunyai unsur pembaziran, pemborosan, penyelewengan, penyalahgunaan, ketirisan dan kecuaian kepada Pegawai Pengawal;

5.2.7. Menjadi urus setia Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan membentangkan laporan meliputi perkara berikut:

a. status perancangan dan pencapaian Rancangan Audit Tahunan;

b. penemuan audit yang signifikan dan tindakan susulan yang diambil;

c. statistik dan status tindakan terhadap penemuan audit; dan

d. halangan dan kekangan yang dihadapi dalam melaksanakan pengauditan (sekiranya ada).

5.2.8. Memberi khidmat perundingan mengenai kawalan dalaman terhadap pengurusan kewangan, program/projek/aktiviti termasuk sistem ICT dan keberkesanan pelan pengurusan risiko di Organisasi; dan

5.2.9. Mengunci masuk dan mengemas kini maklumat pelaksanaan pengauditan termasuk sumber manusia dalam sistem elektronik pemantauan audit dalam.

5.3. Unit Audit Dalam perlu mengemukakan Rancangan Audit Tahunan dan Laporan Tahunan Audit Dalam yang telah diluluskan oleh Pegawai Pengawal kepada Perbendaharaan Malaysia seperti berikut:

5.3.1. Rancangan Audit Tahunan hendaklah dikemukakan selewat-lewatnya pada 31 Januari tahun semasa; dan

5.3.2. Laporan Tahunan Audit Dalam hendaklah dikemukakan selewat-lewatnya pada 31 Mac tahun berikutnya.

5.4. Unit Audit Dalam hendaklah sentiasa memastikan kualiti dan keseragaman proses kerja pengauditan dan pelaporannya mengikut standard pengauditan yang ditetapkan serta memenuhi ekspektasi pemegang taruh.

5.5. Dalam melaksanakan tanggungjawab dan bidang tugas Unit Audit Dalam sebagaimana yang dinyatakan di bawah perenggan 5 ini, Pegawai Audit Dalam yang terdiri daripada pegawai kader atau pinjaman Jabatan Audit Negara, hendaklah sentiasa tertakluk kepada arahan yang dikeluarkan oleh Ketua Audit Negara dari semasa ke semasa. Pelaksanaan audit hendaklah dijalankan secara bebas *(independent)* dan tiada sebarang campur tangan, pengaruh dan arahan mana-mana pihak.

6. TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PENGAWAL

6.1. Pegawai Pengawal hendaklah memberi perhatian dan bertanggungjawab memantau Unit Audit Dalam dengan:

6.1.1. Memastikan perjawatan, keperluan sumber manusia dan struktur Unit Audit Dalam adalah sejajar dengan saiz dan fungsi Organisasi. Pegawai Pengawal boleh meminta pandangan dan khidmat rundingan dari Jabatan Audit Negara bagi menentukan kesesuaian struktur Unit Audit Dalam di Organisasi;

6.1.2. Mengkaji dan meluluskan Rancangan Audit Tahunan dan Laporan Tahunan Audit Dalam;

6.1.3. Memastikan Unit Audit Dalam tidak terlibat dalam hal operasi Organisasi atau jawatankuasa yang membuat keputusan seperti perolehan, agihan peruntukan, jumlah/kadar bayaran dan jumlah pemberian insentif/bantuan dan bebas daripada pengaruh pegawai yang bertanggungjawab secara langsung terhadap operasi Organisasi;

6.1.4. Memastikan Unit Audit Dalam diberi kebebasan untuk menyiasat dan memeriksa semua dokumen dan mendapat capaian kepada semua sistem berkaitan dengan aktiviti Organisasi bagi tujuan pengauditan;

6.1.5. Memastikan tindakan susulan diambil terhadap pemerhatian/laporan Audit Dalam;

6.1.6. Melibatkan Unit Audit Dalam dengan mesyuarat-mesyuarat pengurusan dan yang berkaitan dengan dasar Organisasi; dan

6.1.7. Memastikan anggota Unit Audit Dalam mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk melaksanakan tanggungjawabnya dengan berkesan.

7. JAWATANKUASA AUDIT

7.1. Pegawai Pengawal hendaklah memastikan Jawatankuasa Audit (JKA) ditubuhkan di peringkat Organisasi.

7.2. JKA hendaklah dipengerusikan oleh Pegawai Pengawal di peringkat Organisasi manakala Ahli–Ahli Tetap Jawatankuasa sekurang-kurangnya dianggotai oleh tujuh (7) orang dan hendaklah terdiri daripada Pengurusan Atasan Organisasi. Semasa ketiadaan Pengerusi, Pengerusi Ganti hendaklah dilantik daripada kalangan Pengurusan Tertinggi Organisasi yang dinyatakan dalam surat pelantikan bagi mempengerusikan Mesyuarat JKA. Ketua Audit Dalam hendaklah bertindak sebagai Setiausaha JKA.

7.3. Keanggotaan JKA di peringkat Organisasi adalah seperti berikut:

Pengerusi	:	Pegawai Pengawal
Pengerusi Ganti	:	Timbalan KSU; Setiausaha Bahagian Kanan Pengurusan; Timbalan SUK; atau Pegawai Kewangan Negeri;
Setiausaha	:	Ketua Audit Dalam
Ahli	:	a. Setiausaha Bahagian/Ketua Bahagian Pengurusan Sumber Manusia; b. Setiausaha Bahagian /Ketua Bahagian Kewangan; c. Setiausaha Bahagian /Ketua Bahagian Pembangunan; d. Penasihat Undang–Undang; e. Ketua Unit Integriti; dan f. Setiausaha Bahagian/Ketua Bahagian lain dan mana–mana ahli yang sesuai.

7.4. Objektif JKA meliputi perkara berikut:

7.4.1. Membincangkan isu-isu yang dibangkitkan sama ada oleh Unit Audit Dalam atau Jabatan Audit Negara melalui Sistem Papan Pemuka Dalam Talian Ketua Audit Negara (*Auditor General's Dashboard* – AGD);

7.4.2. Memastikan tindakan *preventive* dan *corrective* diambil oleh Auditi supaya kelemahan-kelemahan berkaitan dapat diperbetulkan dan tidak berulang; dan

7.4.3. Memberi penekanan ke atas tatakelola yang baik (*good governance*) dan nilai faedah yang terbaik (*best value for money*) bagi meningkatkan kecekapan, keberkesanan dan akauntabiliti di semua peringkat Organisasi.

7.5. JKA hendaklah bertanggungjawab terhadap perkara berikut:

7.5.1. Menyemak dan mengkaji kesempurnaan serta keutuhan sistem kawalan dalaman dan sistem maklumat pengurusan Organisasi;

7.5.2. Melaporkan sama ada wujudnya sistem perakaunan dan kewangan yang efektif serta kawalan-kawalan tertentu sebagai satu amaran awal mengenai kelemahan di Organisasi;

7.5.3. Membincangkan Rancangan Audit Tahunan yang disediakan oleh Unit Audit Dalam dan membuat cadangan skop pengauditan dan tumpuan audit sekiranya ada, sebelum diluluskan oleh Pegawai Pengawal dan dikemukakan kepada Perbendaharaan Malaysia;

7.5.4. Memastikan tidak terdapat sekatan atau batasan yang tidak wajar yang boleh menjejaskan pelaksanaan audit dalam dan Unit Audit Dalam diberikan akses yang sesuai pada maklumat dalam pelaksanaan tugasnya;

7.5.5. Memastikan Unit Audit Dalam mempunyai sumber yang mencukupi dan kakitangan yang kompeten bagi membolehkan ia berfungsi dengan berkesan;

7.5.6. Mengkaji laporan daripada Unit Audit Dalam dan Jabatan Audit Negara untuk memastikan semua isu yang dilaporkan diselesaikan dengan memuaskan dan memperakukan tindakan susulan;

7.5.7. Menimbangkan hasil/syor apa-apa kajian semula dalaman tentang keberkesanan fungsi Unit Audit Dalam untuk meningkatkan prestasi dan jaminan kualiti audit dalam;

7.5.8. Mengesyorkan siasatan lanjut dibuat oleh Unit Integriti ke atas semua penemuan audit yang mempunyai elemen penyelewengan, penyalahgunaan kuasa dan penipuan (sekiranya ada);

7.5.9. Agenda Mesyuarat JKA antaranya merangkumi perkara berikut:

a. Perancangan dan statistik prestasi pencapaian Rancangan Audit Tahunan;

b. Statistik ringkasan penemuan audit dan status tindakan terhadap setiap pengauditan yang dilaksanakan;

c. Penemuan audit yang signifikan dan berisiko tinggi serta penemuan yang belum diambil tindakan;

d. Perubahan dalam Rancangan Audit Tahunan (sekiranya ada); dan

e. menyusuli isu–isu dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN).

7.6. Kekerapan Mesyuarat dan Minit Mesyuarat JKA

7.6.1. JKA hendaklah bermesyuarat di peringkat Organisasi secara sukuan sekurang-kurangnya empat (4) kali dalam setahun.

7.6.2. Salinan Minit Mesyuarat JKA hendaklah dikemukakan kepada Perbendaharaan Malaysia setiap suku tahun iaitu selewat-lewatnya pada 15 April, Julai, Oktober dan Januari tahun berikutnya.

8. PERANAN PERBENDAHARAAN MALAYSIA

8.1. Perbendaharaan Malaysia ialah Agensi Pusat yang bertanggungjawab bagi memantau dan menyelaras pelaksanaan audit dalam di Organisasi khususnya dalam perkara seperti berikut:

8.1.1. Mengeluarkan arahan dasar umum;

8.1.2. Menyediakan garis panduan pengauditan;

8.1.3. Memberi nasihat dan bimbingan berkaitan dengan pelaksanaan audit dalam; dan

8.1.4. Menilai keberkesanan pelaksanaan audit dalam.

8.2. Dalam usaha untuk memantau pelaksanaan audit dalam, Perbendaharaan Malaysia telah mengeluarkan peraturan dalaman berkaitan pengauditan dari semasa ke semasa. Unit Audit Dalam perlu sentiasa menggunapakai dan mematuhi panduan peraturan dalaman yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan Malaysia seperti Manual Audit Dalam, arahan–arahan Perbendaharaan dan garis panduan pengauditan.

8.3. Perbendaharaan Malaysia juga memantau pelaksanaan audit dalam melalui sistem elektronik pemantauan audit dalam berasaskan web dari semasa ke semasa selaras dengan inisiatif pendigitalan sektor awam.

9. HUBUNG KAIT ANTARA UNIT AUDIT DALAM DENGAN JABATAN AUDIT NEGARA

9.1. Pada asasnya, peranan dan tanggungjawab Audit Dalam adalah berbeza daripada Jabatan Audit Negara. Kuasa dan tanggungjawab Jabatan Audit Negara ditetapkan dalam undang-undang manakala kuasa dan tanggungjawab Audit Dalam dinyatakan secara pentadbiran. Walau bagaimanapun, Jabatan Audit Negara dan Unit Audit Dalam mempunyai matlamat yang sama iaitu bagi mempertingkatkan keberkesanan proses tatakelola, tahap pengurusan kewangan dan akauntabiliti dalam pentadbiran awam.

9.2. Kerjasama dan hubungan yang baik di antara Jabatan Audit Negara dan Unit Audit Dalam adalah penting demi pencapaian matlamat tersebut. Bagi meningkatkan lagi keberkesanan impak pengauditan, Ketua Audit Dalam hendaklah berbincang dengan Ketua Audit Negara semasa penyediaan Rancangan Audit Tahunan bagi mengelakkan pertindihan kerja pengauditan dan mengenal pasti bidang atau perkara yang perlu diaudit.

9.3. Selain itu, Unit Audit Dalam juga berperanan sebagai pegawai perhubungan (*liaision officer*) di Organisasi bagi penemuan audit oleh Jabatan Audit Negara.

10. KEAHLIAN INSTITUT JURUAUDIT DALAMAN MALAYSIA

10.1. Semua Unit Audit Dalam melalui Organisasi hendaklah menjadi ahli korporat Institut Juruaudit Dalaman Malaysia dan yuran keahlian tahunan ditanggung oleh Kerajaan.

10.2. Unit Audit Dalam digalakkan untuk mengadakan kolaborasi bersama Institut Juruaudit Dalam Malaysia untuk program latihan berkaitan audit dalam sektor awam.

11. HAL–HAL LAIN

11.1. Sekiranya terdapat pertanyaan lanjut mengenai Pekeliling Perbendaharaan ini, Organisasi boleh merujuk kepada pihak berikut:

Seksyen Koordinasi Audit Dalam Dan Perakaunan
Bahagian Kawalan Kewangan Strategik Dan Korporat (BKSK)
Kementerian Kewangan
Aras 6, Blok Selatan
No.5, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62594 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
Alamat emel: bksk.uad@treasury.gov.my

12. TARIKH KUAT KUASA

12.1. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai 7 Oktober 2024.

13. PEMBATALAN

13.1. Dengan berkuatkuasanya peraturan ini, Pekeliling Perbendaharaan PS 3.1 Pelaksanaan Audit Dalam Di Kementerian Atau Jabatan Persekutuan Dan Kerajaan Negeri yang berkuat kuasa pada 12 Oktober 2004 serta PS 3.2 Penubuhan Jawatankuasa Audit Di Peringkat Kementerian Persekutuan Dan Kerajaan Negeri yang berkuat kuasa pada 5 Mei 2009 adalah dibatalkan.

14. PEMAKAIAN

14.1. Pekeliling ini adalah untuk menjelaskan berkaitan peranan dan tanggungjawab Unit Audit Dalam, Jawatankuasa Audit, Pegawai Pengawal, dan Perbendaharaan Malaysia serta memberi arahan terhadap pelaksanaan audit dalam di Organisasi. Unit Audit Dalam hendaklah memastikan peraturan yang ditetapkan dalam pekeliling ini dipatuhi.

KETUA SETIAUSAHA PERBENDAHARAAN
SECRETARY GENERAL OF TREASURY
Kementerian Kewangan Malaysia
Ministry of Finance Malaysia
Kompleks Kementerian Kewangan
No. 5, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 603-8882 3333
Faks : 603-8882 4224
Telex : FEDTRY MA 30242
Web : www.mof.gov.my

Rujukan: MOF.BKSK(S)600-2/4/4 Jld. 3 (14)

Tarikh : 7 Oktober 2024

SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN A

YBhg. Tan Sri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk Seri/ Dato' Indera/ Datuk Wira/ Dato'/ Datuk/ Dr./ Tuan/ Puan Tuan/Puan,

PEKELILING PERBENDAHARAAN PS 2.1 TERIMAAN KERAJAAN SECARA ELEKTRONIK (TANPA TUNAI)

Saya dengan hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Mesyuarat Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua Perkhidmatan (KSUKP) Bilangan 2 Tahun 2023 pada 20 Disember 2023 telah mengarahkan supaya Kementerian Kewangan (MOF) untuk menerajui semakan semula terhadap dasar, prosedur dan pekeliling-pekeliling Kerajaan berkaitan kewangan dan perolehan. Selaras dengan arahan mesyuarat KSUKP tersebut, MOF telah mengkaji semula Pekeliling Perbendaharaan (PP) berkaitan e-pembayaran bagi tujuan menambah baik Pekeliling-pekeliling tersebut.

3. Sehubungan itu, sukacita dimaklumkan MOF telah **bersetuju meluluskan PP PS 2.1 Terimaan Kerajaan Secara Elektronik (Tanpa Tunai) (PS 2.1) yang baharu** seperti di **Lampiran I** yang merangkumi perkara-perkara berikut:

a. Penggabungan empat (4) PP berkaitan e-pembayaran sedia ada menjadi satu (1) PP bagi memudahkan rujukan pihak Kementerian/Jabatan. Empat (4) PP yang terlibat adalah:

   i) PP PS 2.1: Terimaan Hasil Kerajaan Secara Elektronik di Terminal *Point-Of-Sale* (PS 2.1);
   ii) PP PS 2.2: Terimaan Kerajaan Secara Elektronik Melalui Portal Kementerian atau Jabatan (PS 2.2);
   iii) PP PS 2.3: Terimaan Kerajaan Secara Elektronik Melalui Perbankan Internet dan Perbankan Mudah Alih (PS 2.3); dan
   iv) PP PS 2.7: Terimaan Kerajaan Secara Elektronik Melalui E-Dompet (*E-Wallet*) (PS 2.7).

b. Pindaan selaras dengan dua (2) surat pemakluman MOF yang telah dikeluarkan kepada semua Kementerian sebelum ini iaitu:

   i) Surat bertarikh 31 Mei 2024 berhubung tanggungan caj terimaan bukan hasil yang mempunyai akaun amanah; dan
   ii) Surat bertarikh 26 Julai 2024 berhubung tanggungan caj terimaan terimaan bukan hasil yang tidak mempunyai akaun amanah.

c. Tambahan saluran pembayaran menerusi aplikasi mudah alih (*mobile app*) Kementerian/Jabatan dengan kadar caj bagi *mobile app* ditetapkan berdasarkan kadar yang sama seperti mana portal Kementerian/Jabatan.

4. Oleh yang demikian, saya memohon jasa baik dan kerjasama YBhg. Tan Sri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk Seri/ Dato' Indera/ Datuk Wira/ Dato'/ Datuk/ Dr./ tuan/ puan untuk memanjangkan maklumat ini kepada Jabatan/ Agensi di bawah seliaan masing-masing. Penggunaan PP di peringkat Badan Berkanun Persekutuan adalah tertakluk kepada keputusan Lembaga Pengarah masing-masing.

5. PP PS 2.1 yang baharu ini juga boleh diakses secara dalam talian melalui laman web Portal Pekeliling Perbendaharaan Kementerian Kewangan Malaysia di **https://ppp.treasury.gov.my/**. Sehubungan itu, PP PS 2.1, PS 2.2, PS 2.3 dan PS 2.7 sedia ada dibatalkan berkuat kuasa serta merta.

6. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, pihak YBhg. Tan Sri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk Seri/ Dato' Indera/ Datuk Wira/ Dato'/ Datuk/ Dr./ tuan/ puan boleh merujuk pegawai di Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat (BKSK), MOF berikut:

Bil.	Nama Pegawai	Maklumat Perhubungan
(a)	Puan Khalimatun Saadiah binti Mohd Khalid	khalimatun.saadiah@mof.gov.my (03) 8882 3599
(b)	Enck Mohd Fahmi bin Mohd Mokhtar	fahmi.mokhtar@mof.gov.my (03) 8882 3672

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(DATUK JOHAN MAHMOOD MERICAN)

s.k. TKSP(D)

TKSP(I)

TKSP(M)

EDARAN DALAMAN (MOF)

1. Ketua Pengarah
   Jabatan Kastam Diraja Malaysia

2. Akauntan Negara Malaysia
   Jabatan Akauntan Negara

3. Ketua Pengarah
   Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta

4. Pengarah Belanjawan Negara

5. Peguam Cara Perbendaharaan

6. Pengerusi Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan

7. Pengerusi Tribunal Rayuan Kastam

8. Pendaftar Agensi Pelaporan Kredit

9. Setiausaha Bahagian Pelaburan Strategik

10. Setiausaha Bahagian Fiskal dan Ekonomi

11. Setiausaha Bahagian Antarabangsa

12. Setiausaha Bahagian Syarikat Pelaburan Kerajaan

13. Setiausaha Bahagian Perolehan Kerajaan

14. Setiausaha Bahagian Cukai

15. Setiausaha Bahagian Pengurusan Strategik Badan Berkanun

16. Setiausaha Bahagian Pengurusan Aset Awam

17. Setiausaha Bahagian Dasar Saraan dan Pengurusan

18. Setiausaha Bahagian Teknologi Maklumat

19. Ketua Unit Integriti

20. Ketua Unit Audit Dalam Perbendaharaan

21. Pegawai Kewangan Persekutuan Sarawak
    Perbendaharaan Malaysia Sarawak

22. Pegawai Kewangan Persekutuan Sabah
    Perbendaharaan Malaysia Sabah

EDARAN LUARAN

1. Ketua Setiausaha Negara
   Jabatan Perdana Menteri
   Aras 4 Timur, Bangunan Perdana Putra
   Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
   62502 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

2. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
   Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
   Aras 13, Blok C1, Kompleks C
   Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
   62510 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

3. Peguam Negara
   Jabatan Peguam Negara
   Aras 16, No.45, Persiaran Perdana, Presint 4
   Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
   62100 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

4. Ketua Audit Negara
   Jabatan Audit Negara,
   Aras 9, Blok F2, Kompleks F
   Lebuh Perdana Timur, Presint 1
   Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
   62000 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

5. Ketua Setiausaha
   Kementerian Pendidikan Tinggi
   Aras 17, No. 2, Menara 2
   Jalan P5/6, Presint 5
   Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
   62200 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

6. Ketua Setiausaha
   Kementerian Pertahanan
   Aras 5, Wisma Pertahanan
   Jalan Padang Tembak
   50634 WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

7. Ketua Setiausaha
   Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
   Aras 6, Blok C5, Kompleks C
   Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
   62662 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

8. Ketua Setiausaha
   Kementerian Perpaduan Negara
   Aras 10, Blok F9, Kompleks
   Lebuh Perdana Timur, Presint 1
   Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
   62502 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

9. Ketua Setiausaha
   Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan
   Aras 15, Menara 4G1, Wisma Tani
   No. 28, Persiaran Perdana, Presint 4
   Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
   62624 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

10. Ketua Setiausaha
    Kementerian Kesihatan
    Aras 12, Blok E7, Kompleks E
    Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
    62590 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

11. Ketua Setiausaha
    Kementerian Sumber Manusia
    Aras 9, Blok D3, Kompleks D
    Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
    62502 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

12. Ketua Setiausaha
    Kementerian Luar Negeri
    Aras 3, Wisma Putra 1
    No. 1, Jalan Wisma Putra
    Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
    62602 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

13. Ketua Setiausaha
    Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
    Aras 36, No. 55, Persiaran Perdana, Presint 4
    Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
    62100 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

14. Ketua Setiausaha
    Kementerian Perladangan dan Komoditi
    Aras 10, No. 15
    Persiaran Perdana, Presint 2
    Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
    62654 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

15. Ketua Setiausaha
    Kementerian Pendidikan
    Aras 8, Blok E8
    Kompleks Kerajaan Parcel E
    Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
    62604 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

16. Ketua Setiausaha
    Kementerian Ekonomi
    Aras 8, Menara Prisma
    No.26, Persiaran Perdana, Presint 3
    Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
    62675 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

17. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Aras 17, No. 51
Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

18. Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi
Aras 5, Blok E4/5, Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62668 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

19. Ketua Setiausaha
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup
Aras 11 (Menara)
No. 13, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62623 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

20. Ketua Setiausaha
Kementerian Pengangkutan
Aras 9, No.26
Jalan Tun Hussein, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

21. Timbalan Ketua Setiausaha Kanan
Jabatan Perdana Menteri
Aras 4, Setia Perdana 8
Kompleks Setia Perdana
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

22. Ketua Setiausaha
Kementerian Belia dan Sukan
Aras 15, Menara KBS
No. 27, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62570 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

23. Ketua Setiausaha
Kementerian Komunikasi
Aras 35, Lot 4G9, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

24. Ketua Setiausaha
Kementerian Dalam Negeri
Aras 12, Blok D1, Kompleks D
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62546 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

25. Ketua Setiausaha
Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air
No. 15, Menara PETRA 25
Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62574 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

26. Ketua Setiausaha
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya
Aras 17, No. 2, Menara 1
Jalan P5/6, Presint 5
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62200 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

27. Ketua Setiausaha
Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri
Tingkat 28, Menara MITI
No.7, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah
50480 WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

28. Ketua Setiausaha
Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam
Blok F11, Kompleks F
Lebuh Perdana Timur, Presint 1
62000 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

29. Ketua Setiausaha
Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah
Aras 30, No. 47, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

30. Ketua Setiausaha
Kementerian Digital
Aras 14, Menara Usahawan
Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62652 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

31. Ketua Setiausaha
Kementerian Kerja Raya
Tingkat 5, Blok A
Kompleks Kerja Raya
Jalan Sultan Salahuddin
50580 WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

KETUA SETIAUSAHA PERBENDAHARAAN
SECRETARY GENERAL OF TREASURY
Kementerian Kewangan Malaysia
Ministry of Finance Malaysia
Kompleks Kementerian Kewangan
No. 5, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 603-8882 3333
Faks : 603-8882 4224
Telex : FEDTRY MA 30242
Web : www.mof.gov.my

Rujukan: MOF.BKSK(S)600-2/4/4 Jld. 3 (20)

Tarikh : 19 Disember 2024

SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN A

YBhg. Tan Sri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk Seri/ Dato' Indera/ Datuk Wira/ Dato'/ Datuk/ Dr./ Tuan/ Puan Tuan/Puan,

PEKELILING PERBENDAHARAAN PS 2.6 KAD KREDIT KORPORAT KERAJAAN (PINDAAN DISEMBER 2024)

Saya dengan hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa MOF **bersetuju meluluskan pindaan Pekeliling Perbendaharaan (PP) PS 2.6: Kad Kredit Korporat Kerajaan (PS 2.6) berkuat kuasa 30 Disember 2024** seperti berikut:

Klausa Asal PS 2.6	**Pindaan Terkini**
Klausa 4 Pembelian tiket kapal terbang untuk Perjalanan Rasmi dalam dan luar negara secara dalam talian (*online*)	Klausa 4.1.1 a) Pembelian tiket kapal terbang untuk Perjalanan Rasmi dalam dan luar negara secara *online* melalui: i) laman sesawang syarikat penerbangan; atau ii) laman sesawang Agensi Pelancongan/ Pengembaraan berstatus Bumiputera. Pembelian adalah tertakluk kepada yang menawarkan harga yang lebih rendah.
Tiada	Klausa 9.7 PTJ bertanggungjawab untuk membuat kajian pasaran dan menyediakan justifikasi bagi mengenal pasti harga yang menjimatkan, kompetitif dan menguntungkan Kerajaan.
Tiada	Klausa 13. Hal-hal Lain Sekiranya terdapat pertanyaan lanjut mengenai Pekeliling Perbendaharaan ini, Kementerian/Jabatan boleh merujuk kepada pihak berikut: Seksyen E-Pembayaran dan Projek Khas ICT Bahagian Kawalan Kewangan Strategik Dan Korporat Kementerian Kewangan.

Tiada	Klausa 14. Pemakaian Pekeliling Perbendaharaan ini adalah terpakai kepada Kementerian/Jabatan Persekutuan manakala penggunaan di peringkat Badan Berkanun Persekutuan adalah tertakluk kepada keputusan Lembaga Pengarah masing-masing.

5. Bersama-sama ini disertakan sesalinan PP PS 2.6 yang telah dikemas kini untuk perhatian dan rujukan YBhg. Tan Sri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk Seri/ Dato' Indera/ Datuk Wira/ Dato'/ Datuk/ Dr./ tuan/ puan jua. Dokumen tersebut juga telah dimuat naik dalam laman web rasmi MOF dan boleh diakses di https://ppp.treasury.gov.my/. Saya memohon jasa baik dan kerjasama YBhg. Tan Sri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk Seri/ Dato' Indera/ Datuk Wira/ Dato'/ Datuk/ Dr./ tuan/ puan untuk memanjangkan maklumat ini kepada jabatan/ agensi di bawah seliaan masing-masing.

6. Sebarang pertanyaan boleh dirujuk kepada pegawai di Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat (BKSK), MOF seperti berikut:

Bil.	Nama Pegawai	Maklumat Perhubungan
(a)	Puan Khalimatun Saadiah binti Mohd Khalid	khalimatun.saadiah@mof.gov.my (03) 8882 3599
(b)	Enck Mohd Fahmi bin Mohd Mokhtar	fahmi.mokhtar@mof.gov.my (03) 8882 3672

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(DATUK JOHAN MAHMOOD MERICAN)

KETUA SETIAUSAHA PERBENDAHARAAN
SECRETARY GENERAL OF TREASURY
Kementerian Kewangan Malaysia
Ministry of Finance Malaysia
Kompleks Kementerian Kewangan
No. 5, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 603-8882 3333
Faks (Fax) : 603-8882 4224
Teleks (Telex): FEDTRY MA 30242
Laman sesawang: www.mof.gov.my
(Website)

Rujukan : MOF.BKSK(S) 600-2/4/4 Jld. 6 (8)

Tarikh : 24 Jun 2026

SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN A

YBhg. Tan Sri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk Seri/ Dato' Indera/ Datuk Wira/ Dato'/ Datuk/ Dr./ Tuan/ Puan,

PINDAAN PEKELILING PERBENDAHARAAN PS 2.1 TERIMAAN KERAJAAN SECARA ELEKTRONIK (TANPA TUNAI) (PINDAAN OKTOBER 2024) BAGI KADAR CAJ PERKHIDMATAN ATAU *MERCHANT DISCOUNT RATE* (MDR) BAGI SEMUA JENIS TERIMAAN (HASIL DAN BUKAN HASIL)

Saya dengan hormatnya merujuk perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan, Kementerian Kewangan (MOF) telah membuat semakan Pekeliling Perbendaharaan PS 2.1 (Pindaan Oktober 2024) terhadap kadar caj perkhidmatan atau *Merchant Discount Rate* (MDR) yang dikenakan kepada Kerajaan oleh institusi kewangan bagi transaksi pembayaran tanpa tunai (*cashless*) untuk semua jenis terimaan (hasil dan bukan hasil).

3. Sehubungan dengan itu, pindaan pada kadar caj perkhidmatan atau MDR yang baharu adalah seperti jadual berikut:

Saluran	Mod Pembayaran	Kadar Caj MDR (baharu)
Terminal Kad Pembayaran [*Point-Of-Sale* – (POS)]	Kad Debit (tempatan)	Tidak melebihi 0.45% atas nilai transaksi
	Kad Kredit (tempatan)	Tidak melebihi 0.85% atas nilai transaksi
	E-dompet	Tidak melebihi 0.45% atas nilai transaksi
	EFT *Customer to Government* (C2G)	Tidak melebihi RM0.45 bagi setiap transaksi

Saluran	Mod Pembayaran	Kadar Caj MDR (baharu)
Portal / Aplikasi Mudah Alih Kementerian/Jabatan	*Business to Government* (B2G)	Tidak melebihi RM0.90 bagi setiap transaksi
	Kad Debit (tempatan)	Tidak melebihi 0.45% atas nilai transaksi
	Kad Kredit (tempatan)	Tidak melebihi 0.85% atas nilai transaksi
	E-dompet	Tidak melebihi 0.45% atas nilai transaksi
Perbankan Internet dan Perbankan Mudah Alih	EFT *Customer to Government* (C2G)	Tidak melebihi RM0.45 bagi setiap transaksi
	Business to Government (B2G)	Tidak melebihi RM0.85 bagi setiap transaksi
	JomPAY	Tidak melebihi RM0.45 bagi setiap transaksi JomPay termasuk *real time notification* (RTN)
	Kad Debit (tempatan)	Tidak melebihi 0.45% atas nilai transaksi
	Kad Kredit (tempatan)	Tidak melebihi 0.85% atas nilai transaksi

4. Penggunaan kad caj *American Express* (Amex) yang dikeluarkan oleh institusi tempatan adalah **digugurkan** daripada senarai mod terimaan.

5. Pelaksanaan kadar caj perkhidmatan atau MDR yang baharu adalah berkuat kuasa pada **dua (2) bulan dari tarikh surat ini ditandatangani**. Saya memohon jasa baik dan kerjasama YBhg. Tan Sri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk Seri/ Dato' Indera/ Datuk Wira/ Dato'/ Datuk/ Dr./ tuan/ puan untuk memanjangkan maklumat ini kepada Jabatan/agensi di bawah seliaan masing-masing.

6. Sebarang pertanyaan, pihak YBhg. Tan Sri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk Seri/ Dato' Indera/ Datuk Wira/ Dato'/ Datuk/ Dr./ Tuan/ Puan boleh merujuk kepada pegawai-pegawai Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat seperti berikut:

Bil.	Nama Pegawai	Maklumat Perhubungan
(a)	Puan Siti Khatijah binti Hamzah	khatijah.hamzah@mof.gov.my (03) 8882 9037 / 019-246 3503
(b)	Enck Mohd Fahmi bin Mohd Mokhtar	fahmi.mokhtar@mof.gov.my (03) 8882 3672 / 016-254 7817


7. Segala perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Tan Sri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk Seri/ Dato' Indera/ Datuk Wira/ Dato'/ Datuk/ Dr./ Tuan/ Puan berhubung perkara ini adalah amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(TAN SRI JOHAN MAHMOOD MERICAN)

s.k. TKSP (I)

TKSP (D)

TKSP (M)

Akauntan Negara Malaysia (ANM)
Aras 8, Kompleks Kementerian Kewangan
No. 1, Persiaran Perdana, Presint 2
62594, Putrajaya

KEMENTERIAN KEWANGAN
Kompleks Kementerian Kewangan
No. 5, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 03-8000 8000
Faks : 03-8882 3894
Laman sesawang: www.mof.gov.my

Rujukan : MOF.BKSK(S) 600-2/4/4 Jld. 6 (32)

Tarikh : 7 Ogos 2026

SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN A

YBhg. Tan Sri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk Seri/ Dato' Indera/ Datuk Wira/ Dato'/ Datuk/ Dr./ Tuan/ Puan,

PEMAKLUMAN PENANGGUHAN TARIKH KUAT KUASA PELAKSANAAN PINDAAN PEKELILING PERBENDAHARAAN PS 2.1 TERIMAAN KERAJAAN SECARA ELEKTRONIK (TANPA TUNAI) (PINDAAN OKTOBER 2024) BAGI KADAR CAJ PERKHIDMATAN (*MERCHANT DISCOUNT RATE* – MDR) BAGI TERIMAAN HASIL DAN BUKAN HASIL

Saya dengan segala hormatnya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Kementerian Kewangan (MoF) melalui surat bertajuk "Pindaan Pekeliling Perbendaharaan PS 2.1 Terimaan Kerajaan Elektronik (Tanpa Tunai) (Pindaan Oktober 2024) Bagi Kadar Caj Perkhidmatan atau *Merchant Discount Rate* (MDR) Bagi Semua Jenis Terimaan (Hasil dan Bukan Hasil)" bertarikh 24 Jun 2026 rujukan MOF.BKSK(S) 600-2/4/4 Jld. 6 (8) telah membuat pindaan pada kadar caj perkhidmatan (*Merchant Discount Rate* -MDR) yang dikenakan kepada Kerajaan oleh institusi kewangan bagi transaksi pembayaran tanpa tunai (*cashless*) untuk semua jenis terimaan hasil dan bukan hasil. Tarikh kuat kuasa pelaksanaan kadar caj MDR yang baharu adalah dua (2) bulan dari tarikh surat pemakluman tersebut ditandatangani iaitu bermula 24 Ogos 2026.

3. Kementerian ini seterusnya mengambil maklum akan kekangan yang dihadapi oleh pihak industri berdasarkan maklum balas yang diterima dalam mematuhi tarikh kuat kuasa pelaksanaan pindaan Pekeliling PS 2.1 tersebut serta permohonan penangguhan ke tarikh kuat kuasa yang baharu.

4. Sehubungan itu, Kementerian ini bersetuju supaya tarikh kuat kuasa pelaksanaan pindaan Pekeliling Perbendaharaan PS 2.1 Terimaan Kerajaan Secara Elektronik (Tanpa Tunai) berkaitan Kadar Caj Perkhidmatan (MDR) ditetapkan pada **1 September 2026**.

5. Kerjasama YBhg. Tan Sri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk Seri/ Dato' Indera/ Datuk Wira/ Dato'/ Datuk/ Dr./ tuan/ puan untuk memanjangkan maklumat ini kepada Jabatan/agensi di bawah seliaan masing-masing adalah sangat dihargai. Sebarang pertanyaan lanjut boleh dikemukakan kepada pegawai Kementerian Kewangan seperti yang berikut:

Bil.	Nama Pegawai	Maklumat Perhubungan
(a)	Puan Siti Khatijah binti Hamzah	khatijah.hamzah@mof.gov.my (03) 8882 9037 / 019-246 3503
(b)	Encik Mohd Fahmi bin Mohd Mokhtar	fahmi.mokhtar@mof.gov.my (03) 8882 3672 / 016-254 7817

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(GHAZALI BIN HIZAM)
Setiausaha Bahagian
Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat
b.p. Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan Malaysia

☎: 03-88823663 ✉ : ghazali.hizam@mof.gov.my

s.k. KSP
TKSP (I)
TKSP (D)
TKSP (M)

Akauntan Negara Malaysia (ANM)
Aras 8, Kompleks Kementerian Kewangan
No. 1, Persiaran Perdana, Presint 2
62594, Putrajaya